

21/08/1997

Mengisi makna Wawasan 2020

Amran Muhammad

BAHAGIAN terakhir ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Kongres Wawasan 2020 baru-baru ini adalah bahagian paling mencabar pemikiran bagi mereka yang prihatin terhadap makna kehidupan yang bakal diberikan oleh Wawasan 2020 kepada seluruh rakyat.

Perdana Menteri menyebut walaupun negara maju menganggap kebejatan sosial akibat kemajuan sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan, kita di Malaysia tidak boleh menerima anggapan itu malah kita mesti mempertahankan nilai kita dan memeranginya seberapa daya yang boleh.

Kenyataan Perdana Menteri itu sebenarnya mengandaikan wujudnya satu pendekatan yang berbeza mengenai kemajuan yang ingin dihayati Malaysia. Ini kerana pendekatan mengenai kemajuan dalam konteks dunia moden hanya berasaskan satu model iaitu model ciptaan Barat.

Malah bukan itu saja bahkan keseluruhan idea mengenai kemajuan, pembangunan dan perubahan yang difahami oleh masyarakat dunia hari ini sebenarnya dipelopori oleh tamadun Barat. Manakala yang sering kita namakan sebagai kemajuan ala Jepun, ala Asia atau ala kita sekalipun tetap berpaksi dan berada dalam kerangka kemajuan, pembangunan dan perubahan Barat.

Ini bukan bermakna kita menolak secara menyeluruh idea kemajuan, pembangunan dan perubahan dari Barat tetapi kita harus bijaksana menerima idea itu sesuai dengan keinginan Perdana Menteri untuk membina Malaysia yang maju tetapi tetap utuh nilai keagamaan dan etika masyarakatnya.

Idea mengenai kemajuan, pembangunan dan perubahan itu tidak boleh kita lihat dalam kefahaman semasa semata-mata sebagai suatu keperluan yang mesti diperolehi dari dunia Barat tanpa mengetahui latar belakang perkembangannya. Sebaliknya kita mestilah berupaya memahami idea itu dalam perspektif lebih besar terutama yang menyentuh sejarah dan falsafah tamadun Barat itu sendiri.

Perkara pertama yang perlu kita fahami ialah idea mengenai kemajuan, pembangunan dan perubahan itu tidak terbit daripada vakum dan tidak bebas daripada nilai yang dimiliki pelopornya. Idea itu sebenarnya diwarnai sepenuhnya dengan cita rasa, impian dan semangat yang dimiliki mereka. Berpandukan cita rasa, impian dan semangat inilah idea mengenai kemajuan, pembangunan dan perubahan itu diterjemahkan dalam bentuk konkrit sama ada berbentuk amalan, institusi, karya cipta dan yang lebih penting sebagai cara hidup.

Tamadun Barat memiliki sejarah dan pengalaman pahit-manis mereka sendiri. Mereka membina etos kehidupan berdasarkan pengalaman itu. Etos kehidupan itu membentuk kepercayaan dan kebudayaan mereka untuk kehidupan duniawi.

Antara etos penting membentuk kepercayaan dan kebudayaan tamadun Barat ialah sikap antiagama atau lebih khusus penolakan terhadap Tuhan. Daripada awal sejarah kewujudan mereka lagi tamadun Barat bersikap menentang Tuhan, misalnya sejarah Greek tua menyaksikan bagaimana Zeus selaku raja segala tuhan dicabar ketuhanannya dengan dicuri apinya, pada zaman awal Kristian tamadun Barat percaya mereka menyalib anak Tuhan, pada zaman Renaissance pula gereja, agama Kristian dan Tuhan dianggap penjara bagi kebenaran dan kemajuan dan malah pada zaman moden ini Nitzche mengisytiharkan tuhan sudah mati dan Weber menganggap agama sebagai candu. Freud pula, melihat agama sebagai pelepasan psikologi. Comte yang dikenali sebagai bapa sosiologi dan positivisme menyebut bagaimana tamadun Barat berubah

daripada era agama yang penuh spekulasi menuju ke era positivisme berasaskan sains. Begitulah seterusnya pelbagai sikap antiagama dan anti-Tuhan yang menghantui tamadun Barat. Semua itu tidak timbul begitu saja malah ia adalah manifestasi semangat dan jiwa tamadun Barat itu. Oleh itu, manifestasi ini dapat dilihat dalam semua peringkat kehidupan masyarakat Barat dari peringkat intelektual hingga ke lapangan sosial.

Malah apa yang disebut sebagai fenomena moden itu sendiri adalah rentetan daripada manifestasi anti-Tuhan dan antiagama tamadun Barat. Lantaran itu idea mengenai kemajuan, pembangunan dan perubahan yang sebenarnya adalah konsep utama fenomena moden tidak akan terlepas daripada etos tamadun Barat. Soalnya sekarang sejauh manakah negara membangun termasuk negara kita memahami hakikat itu.

Apabila negara Barat yang maju menerima kebejatan sosial sebagai satu hasil sah pemodenan yang tidak dapat dielakkan, mereka memahami benar implikasi daripada idea mengenai kemajuan, pembangunan, perubahan itu.

Semangat dan jiwa tamadun Barat yang antiagama dan anti-Tuhan itu tidak merasakan Tuhan, agama, nilai, etika dan moral sebagai unsur yang perlu diambil kira dalam menjayakan kemajuan, pembangunan dan perubahan.

Itulah sebabnya kita tidak pernah mendengar gesaan daripada mana-mana pemimpin negara maju bahawa kemajuan ekonomi dan kebendaan mestilah diimbangi dengan kemantapan agama dan kerohanian.

Malah tidak akan ada pemimpin negara maju yang berani berkata sedemikian kerana ia akan dicap sebagai jumud, fanatik, ortodoks, fanatik, dan fundamentalis. Ini kerana dalam etos kepercayaan dan kebudayaan Barat tiada tempat untuk Tuhan dan agama dalam kehidupan moden ini.

Malah idea mengenai kemajuan, pembangunan dan perubahan itu pada dasarnya adalah melepas bebaskan diri daripada segala ikatan keagamaan dan ketuhanan yang merupakan ciri paling pokok bagi falsafah sekularisasi yang membina keseluruhan tamadun Barat.

Oleh itu, apabila Perdana Menteri menyebut kita ingin maju tetapi pada waktu yang sama mesti menekankan kepentingan agama, nilai kerohanian serta kewujudan etika dan sistem moral, beliau sebenarnya berbicara mengenai perkara yang tidak pernah diambil kisah oleh mana-mana pemimpin negara maju.

Keinginan beliau itu sebenarnya mewakili keinginan seorang negarawan yang mahu melihat bangsanya maju tetapi tidak seperti Barat. Keinginan untuk maju tidak seperti Barat inilah yang menyebabkan kita sering berada dalam dilema dan menyebabkan kita berada di persimpangan.

Negara maju tidak pernah mengalami dilema ini malah tidak pernah merasakan berada di persimpangan kerana mereka sejak awal lagi memutuskan untuk tidak menjadikan agama, nilai kerohanian, etika dan moral sebagai penghambat kemajuan, pembangunan dan perubahan. Kepada dunia Barat agama, nilai kerohanian, etika dan moral ini semacam satu antitesis kepada kemajuan, pembangunan dan perubahan.

Jadi, apakah pilihan kita? Apakah tidak mungkin bagi kita untuk maju, membangun dan berubah dan pada waktu yang sama berpegang teguh kepada agama, nilai kerohanian, etika dan moral?

Soalan sebegini bukanlah retorika sifatnya malah mencabar pemikiran kita untuk memikir alternatif baru dalam pendekatan kita mengenai kemajuan, pembangunan dan perubahan. Yang sebenarnya retorika semata-mata ialah kenyataan yang sering dibuat oleh sesetengah pihak yang kononnya kita ingin maju dengan acuan sendiri tetapi tidak pernah mengemukakan apakah yang dimaksudkan dengan acuan kita sendiri itu.

Slogan dan retorik golongan yang menggembarkan Malaysia boleh maju tanpa mengurangkan kepentingan agama, nilai kerohanian, etika dan moral dengan sekadar menuruti model dan cita rasa kemajuan, pembangunan dan perubahan semasa inilah sebenarnya mengaburi pemikiran kita selama ini.

Selepas enam tahun berlalu, masih belum ada suatu wacana pun yang secara serius mengenal pasti bentuk acuan sendiri itu. Masing-masing seperti tidak mengambil kisah soal acuan kerana menganggap ini soal yang abstrak dan tidak praktikal. Tetapi inilah sebenarnya soal yang bakal menentukan rupa bentuk negara Malaysia maju menjelang tahun 2020.

Kemajuan, pembangunan dan perubahan ala-Barat mestilah dilihat sebagai sebahagian daripada agenda pemodenan yang berasaskan kepada faham sekularisasi Barat yang sarat dengan etos kepercayaan dan kebudayaan Barat mengenai insan, alam dan Tuhan.

Kebanyakan daripada yang dikatakan sebagai gejala sosial adalah hasil semula jadi yang akan datang sendiri bersama agenda pemodenan berasaskan etos tamadun Barat.

Agenda pemodenan bersama kemajuan, pembangunan dan perubahan yang sekarang dimomokkan sebagai fenomena global tidak boleh dilihat terasing daripada konteks etos kepercayaan dan kebudayaan tamadun Barat yang mempeloporinya.

Oleh itu apabila negara membangun termasuk negara umat Islam cuba mengambil formula kemajuan, pembangunan dan perubahan Barat mereka terpaksa mengambilnya bersama etos kepercayaan dan kebudayaan tamadun Barat yang terkandung nilai yang tidak serasi dengan nilai mereka, lantaran itu berlaku konflik dalaman, krisis identiti dan seumpamanya.

Pemerhatian ini tidak boleh dianggap sebagai satu sikap anti-Barat atau antimoden apatah lagi antikemajuan, pembangunan dan perubahan. Tetapi kemajuan, pembangunan dan perubahan itu mestilah diberi makna, matlamat dan pengisian oleh kita sendiri berdasarkan kepada etos kepercayaan dan kebudayaan kita sendiri bukan diambil daripada orang lain.

Wawasan 2020 seperti yang ditegaskan Perdana Menteri bukanlah semata-mata wawasan ekonomi. Ia juga wawasan politik, sosial, kerohanian, psikologi dan kebudayaan.

Daripada sembilan cabaran yang diutarakan Perdana Menteri, hanya dua cabaran terakhir bersifat wawasan ekonomi manakala tujuh cabaran awal adalah wawasan politik, sosial, kerohanian, psikologi dan kebudayaan. Oleh kerana setakat enam tahun kebelakangan ini penekanan terhadap wawasan ekonomi nampaknya lebih ketara dan pencapaiannya begitu membanggakan, sudah tibalah masanya kita memberi tumpuan lebih kepada wawasan bukan ekonomi.

(END)